

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1988/89

AMU 403 - Pemasaran Antarabangsa

Tarikh : 29 Oktober 1988

Masa : 9.00 pagi - 12.00 tgh.
(3 jam)

Jawab SEMUA soalan daripada Bahagian A dan DUA soalan daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A

1. Bincangkan siratan angkubah kebudayaan ke atas kegiatan pengurusan pemasaran antarabangsa.

(30 markah)

2. Anda dipertanggungjawabkan untuk meneroka pasaran antarabangsa bagi satu produk yang selama ini hanya dipasarkan di pasaran tempatan.

(a) Huraikan model dan angkubah-angkubah yang akan anda gunakan untuk memilih pasaran sasaran;

(b) Senaraikan sumber maklumat tentang angkubah-angkubah di dalam (a); dan

(c) Apakah kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan yang boleh anda gunakan sebagai pengekspot.

(30 markah)

...2/-

BAHAGIAN B

3. Penerokaan pasaran antarabangsa mendedahkan organisasi kepada dua jenis risiko, iaitu risiko politik dan risiko komersial. Apakah yang dimaksudkan dengan risiko politik dan risiko komersial? Bincangkan kaedah untuk mengawal atau mengurangkan kedua-dua risiko tersebut.

(20 markah)

4. Bincangkan dengan ringkas:

- (a) Proses pengantarabangsaan firma;
- (b) Konsep kitaran hayat produk dan kegiatan pemasaran antarabangsa; dan
- (c) Faktor-faktor yang perlu diawasi semasa menjalankan penyelidikan pemasaran di peringkat antarabangsa.

(20 markah)

5. Keseragaman dan adaptasi merupakan isu yang penting di dalam proses menetapkan dasar produk. Bincangkan kelebihan dasar keseragaman dan faktor-faktor yang mungkin merumitkan pengamalan dasar ini.

(20 markah)

6. Bincangkan dengan ringkas:

- (a) Kaedah-kaedah memasuki pasaran antarabangsa;
- (b) Faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan di dalam proses melantik wakil pengedar di luar negeri; dan
- (c) Kegiatan mengeksport melibatkan kos tambahan, jadi harga barangan yang diekspot mestilah lebih tinggi daripada harga tempatan.

(20 markah)

--oooo000oooo--